



جائزہ کیلئے شریعتی کوریولاؤشنغ

KETUA HAKIM SYARIE

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang
Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427
Laman Web: <http://www.penang.gov.my/jabatan/Mah.Syariah/index.html>



Rujukan kami : JKS/PP/100/ 3-19 (69)
Tarikh : 27 Jun 2012
7 Syaaban 1433H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif/ Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 4 TAHUN 2012
KUTIPAN FI MAHKAMAH SYARIAH MENGIKUT *PENANG MUSLIM RELIGIOUS
AFFAIRS (FORMS AND FEES) RULES 1961***


Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Hakim-Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2012 pada 22 Jun 2012 telah bersetuju dan memutuskan bahawa semua Mahkamah Syariah negeri ini hendaklah mengutip fi bagi setiap perkara di bawah Jadual Kedua *Penang Muslim Religious Affairs (Forms and Fees) Rules 1961* sebagaimana dilampirkan di Lampiran A.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“ SYARIAH ASAS KEADILAN”**

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI YUSOF BIN MUSA)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



NO. PENDAFTARAN: AR 3103

SYARIAH ASAS KEADILAN
(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

JADUAL KEDUA
Fi
Jenayah

	\$ c.
1. Saman kepada Saksi (bagi setiap saksi yang dinamakan)	... 1.00
2. Saman kepada setiap tertuduh	... 1.00
3. Waran Tahanan (bagi setiap individu yang dinamakan)	... 1.00
4. Pernyataan:	
(a) Jika dilakukan oleh Mahkamah Kathi Besar	... 2.00
(b) Jika dilakukan oleh Mahkamah Kathi	... 1.00
5. Jaminan kehadiran (Bon Kehadiran) bagi setiap individu	... 1.00
6. Bon Jaminan bagi setiap individu	... 1.00
7. Salinan prosiding bagi setiap mukasurat yang mengandungi 100 patah perkataan atau sebahagian daripadanya	... 1.00
8. Salinan Keputusan	... 1.00
9. Petisyen Rayuan:	
(a) Jika dari Mahkamah Kathi Besar	... 10.00
(b) Jika dari Mahkamah Kathi	... 5.00
10. Mengambil affidavit atau deklarasasi	... 1.00
11. Menandakan ekshibit bagi apa jua affidavit atau deklarasasi (setiap satu)	... 0.70

Mal

12. Penyataan Tuntutan atau Tuntutan Balas (samada berasingan atau diindors di dalam Saman)	
(a) Jika di dalam Mahkamah Kathi Besar	... 20.00
(b) Jika dalam Mahkamah Kathi	... 10.00
13. Saman kepada Defendan (bagi setiap Defendan yang dinamakan)	... 1.00
Nota: Fi bagi item 12 dan 13 adalah dibayar di atas Saman yang diindors dengan Penyataan Tuntutan	
14. Saman kepada Saksi (bagi setiap Saksi yang dinamakan)	... 1.00

	<i>Mal - (samb.)</i>	\$ c.
15. Setiap jenis Notis (bagi setiap individu yang disampaikan Notis kepadanya)		... 1.00
16. Mengambil affidavit atau deklarasasi		... 1.00
17. Menandakan ekshibit bagi apa jua affidavit atau deklarasasi (setiap satu)		... 0.70
18. Pemfailan affidavit atau deklarasasi		... 1.00
19. Semua jenis permohonan (selain dinyatakan sebaliknya)		... 1.00
20. Salinan Penghakiman & Perintah yang diakui sah:		
(a) Jika dikeluarkan oleh Mahkamah Kathi Besar		... 2.00
(b) Jika dikeluarkan oleh Mahkamah Kathi		... 1.00
21. Salinan prosiding bagi setiap mukasurat yang mengandungi 100 patah perkataan atau sebahagian daripadanya		... 1.00
22. (a) Terjemahan yang telah disahkan oleh Jurubahasa Mahkamah		... 1.00
		(tambahan \$1.00 bagi setiap mukasurat yang mengandungi 100 patah perkataan)
(b) Semakan, pembetulan dan pengesahan terjemahan yang bukan dilakukan oleh Jurubahasa Mahkamah		... 1.00
		(tambahan \$0.40 bagi setiap mukasurat yang mengandungi 100 patah perkataan)
23. Semua jenis permohonan pelaksanaan:		
(a) Jika di Mahkamah Kathi Besar		... 5.00
(b) Jika di Mahkamah Kathi		... 2.00
24. Carian		... 1.00
25. Notis Rayuan:		
(a) Jika dari Mahkamah Kathi Besar		... 20.00
(b) Jika dari Mahkamah Kathi		... 10.00
Nota : Tiada fi dikenakan bagi pemfailan Rekod Rayuan		
26. Penyampaian bagi apa jua proses atau prosiding yang perlu disampaikan oleh Mahkamah		... 0.50
(a) bagi perjalanan secara berjalan kaki atau menunggang		

<i>Mal – (samb.)</i>	\$ c.
basikal bagi setiap batu melebihi dua (2) batu; ATAU	... 0.10
(b) perjalanan dengan apa jua cara	Berdasarkan nilai yang dibelanjakan oleh Penghantar Notis
Nota : Amaun yang dikenakan di bawah para (a) atau (b) adalah dibayar kepada Penghantar Notis untuk faedah peribadi dan hendaklah didepositkan kepada Bailif (jika ada) atau Penghantar Notis sebelum penyampaian disempurnakan.	
27. Sijil Perwarisan:	
(a) Jika dikeluarkan oleh Mahkamah Kathi Besar	... 20.00
(b) Jika Dikeluarkan oleh Mahkamah Kathi	... 10.00
<i>Perkahwinan & Perceraian</i>	
28. Pendaftaran Perkahwinan	... 8.00
29. Pengeluaran Sijil Perkahwinan (dua (2) salinan bagi suami dan isteri)	... 2.00
30. Pendaftaran Perceraian	... 10.00
Pengeluaran Sijil Perceraian (dua (2) salinan bagi suami dan isteri)	Percuma menurut seksyen 421 dan 423
31. Pendaftaran Ruju'	... 5.00
32. Pengeluaran Sijil Ta'lik	... 2.00
33. Menyiasat dan memutuskan persoalan berkaitan "nusyuz"	... 10.00
34. Permohonan perceraian melalui "fasakh", "ta'lik" atau "khulu"	... 4.00
Nota : Kos pengiklanan apa jua notis di dalam akhbar di bawah item ini hendaklah ditanggung oleh pemohon.	
35. Rayuan perintah yang dikeluarkan Pendaftar yang dibuat melalui permohonan di bawah item 34 di atas.	... 10.00
36. Permohonan mut'ah oleh isteri yang diceraikan	... 5.00
37. Permohonan Pengantaraan	... 10.00
38. Pemeriksaan Daftar	... 1.00
39. Pengesahan salinan bagi apa jua kemasukan dalam Daftar	... 2.00
40. Siasatan dan pengeluaran Sijil Anggapan Kematian	... 5.00
41. Siasatan dan keputusan terhadap tuntutan mas kahwin, nafkah oleh suami kepada isteri atau bekas isteri atau nafkah	... 5.00

Diperbuat padaharibulan....., 19

Sgd. ABDUL RAHIM BIN ABDUL Rahim
Penjaga Meterai Pemerintah
Persekutuan Malaya

*Terjemahan oleh Tuan Muhammad Ridhuan bin Ibrahim, Pegawai Penyelidik MTSPD dari versi asal Bahasa Inggeris.